Dr Ahmad Jaafar bin Musa lwn Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — SEMAKAN KEHAKIMAN NO 25–25–11 TAHUN 2015
SAMSUDIN HASSAN H
29 DISEMBER 2017

Undang-Undang Pentadbiran — Semakan kehakiman — Certiorari untuk membatalkan keputusan responden — Pemohon dituduh dengan tiga pertuduhan — Pemohon dikenakan hukuman turun pangkat — Sama ada responden gagal mematuhi 'procedural fairness' apabila membawa tindakan disiplin dengan lewat — Sama ada responden tidak mematuhi prinsip 'natural justice' — Sama ada hukuman yang diberikan oleh responden patut dikekalkan

Pemohon, seorang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG48 telah dituduh dengan tiga pertuduhan iaitu: (a) gagal menghadiri Kursus Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja pada 18–19 Julai 2011 di Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands, Pahang ('kursus tersebut'); (b) memalsukan kehadiran dalam rekod harian kehadiran guru dengan menyatakan pemohon menjalani kursus tersebut sedangkan pemohon tidak menghadiri kursus tersebut dan mendapat cuti sakit pada 20–21 Julai 2011; dan (c) memberi maklumat tidak benar dalam surat tunjuk sebab bertarikh 15 Ogos 2011 dengan menghadiri temu janji dengan pakar perunding perubatan Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh ('hospital tersebut'). Pemohon telah mengemukakan representasinya terhadap ketiga-tiga pertuduhan tersebut. Melalui surat bertarikh 29 Julai 2015, responden telah mengenakan hukuman turun pangkat terhadap pemohon dari Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG48 kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG44 ('keputusan responden'). Pemohon telah memfailkan permohonan semakan kehakiman menurut A 53 k 3(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 untuk mendapatkan perintah certiorari bagi membatalkan keputusan responden ('permohonan pemohon'). Berkenaan dengan pertuduhan (a), pemohon menyatakan bahawa pemohon tidak dapat mengemukakan butir-butir dan bukti-bukti lengkap berhubung dengan masalah kesihatannya pada 18–19 Julai 2011 di dalam representasinya kerana ianya tidak berada dalam simpanannya memandangkan tempoh masa yang diambil oleh responden untuk membawa tindakan disiplin ini adalah selepas empat tahun dari masa kejadian. Bagi pertuduhan (b) pula, pemohon menjelaskan bahawa tujuannya mengisi rekod kedatangan terlebih dahulu adalah semata-mata untuk kesenangan dan praktikal memandangkan pada masa itu pemohon tinggal di Ipoh manakala sekolah tempat pemohon bekerja adalah di Chenderong Balai iaitu jarak memandu lebih kurang 77km. Manakala bagi pertuduhan (c), 'nota

pengesahan kehadiran' telah dikeluarkan oleh pihak hospital tersebut yang menunjukkan pemohon telah hadir di hospital tersebut pada 18–19 Julai 2011.

Diputuskan, membenarkan permohonan pemohon:

(1) Pemohon tidak melakukan apa-apa kesalahan apabila dia gagal hadir ke kursus tersebut. Kegagalan pemohon menghadiri kursus tersebut bukanlah suatu yang disengajakan. Ianya disebabkan oleh kesihatan pemohon yang tidak mengizinkan. Tambahan pula, kelewatan selama empat tahun untuk responden membawa tindakan disiplin telah menyebabkan suatu ketidakadilan substantif berlaku ke atas pemohon apabila dia dihukum akibat gagal hadir ke kursus tersebut sekalipun mempunyai alasan yang sah. Jelas bahawa ketidakadilan substantif ini adalah kesan langsung dari kegagalan responden mematuhi 'procedural fairness' dalam membawa tindakan disiplin dengan sebegitu lewat. Dalam masa yang sama, tiada peluang diberikan kepada pemohon untuk mencari kembali dokumen-dokumen sokongannya (lihat perenggan 19(e), (g) & (p)).

(2) Representasi yang dibuat oleh pemohon bertarikh 15 Mei 2015 telah dibuat dalam tempoh masa 21 hari seperti yang ditetapkan di bawah Peraturan 36(1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Memandangkan kejadian ini telah lama berlaku, pemohon mempunyai alasan yang wajar bagi memohon tempoh lanjutan. Keengganan responden untuk memberi peluang kepada pemohon untuk memasukkan bukti-bukti lanjut, sekali pun telah dimaklumkan oleh pemohon mengenainya adalah suatu pelanggaran 'natural justice' yang menjadikan hukuman turun pangkat terbatal (lihat perenggan 19(u), (w) & (z)).

(3) Tindakan pemohon yang mengisi rekod kedatangan terlebih dahulu adalah perbuatan yang wajar dan munasabah kerana sukar bagi pemohon untuk pergi ke sekolahnya di Chenderong Balai pada pagi Isnin 18 Julai 2011 semata-mata untuk mengisi rekod kedatangan sebelum bertolak ke Genting Highlands. Tambahan pula, tidak mungkin pemohon dengan sengaja telah memalsukan kehadirannya ke kursus tersebut di dalam buku kehadiran guru yang disimpan di sekolahnya di Chenderong Balai iaitu jarak jauh memandu lebih kurang 77km. Pertuduhan ke atas pemohon langsung tidak mempunyai kewajaran yang munasabah berasaskan fakta sekelilingnya dalam kes semasa (lihat perenggan 20(d) & (h)).

(4) Kehadiran pemohon ke hospital tersebut pada kedua-dua tarikh telah dibuktikan melalui 'attendance slip' yang dikeluarkan sendiri oleh hospital berkenaan. Melalui 'attendance slip' ini, terbukti bahawa

pemohon memang telah ke hospital tersebut dan berada di sana bagi tujuan yang dinyatakan di dalam afidavitnya (lihat perenggan 21(d)–(e)).

(5) Kegagalan responden untuk mengemukakan kepada pemohon semua material-material yang mereka gunakan dalam menjalankan budibicara mereka menjatuhkan hukuman turun pangkat terhadap pemohon adalah satu kegagalan yang serius. Kegagalan ini menjurus terus ke akar umbi prinsip 'natural justice' (*audi alteram partem*) itu sendiri. Berdasarkan kegagalan ini semata-mata hukuman terhadap pemohon tidak patut dikekalkan. Responden telah membuat satu dapatan yang khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila membuat keputusan mengenakan hukuman turun pangkat terhadap pemohon (lihat perenggan 21(f) & (r)–(s)).

[English summary

The applicant, a Grade DG48 Education Service Officer, was charged with three counts, namely: (a) failing to attend the Work Procedures and Desk Files Manual on 18–19 July 2011 at the Aminuddin Baki Institute, Genting Highlands, Pahang ('the course'); (b) falsifying his attendance in the daily attendance record of the teacher by stating that the applicant had attended the course, even though he did not, and was on sick leave on 20–21 July 2011; and (c) furnishing incorrect information in a show-cause letter dated 15 August 2011 by attending an appointment with the medical consultant at Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh ('the hospital'). The applicant has submitted his representation of the three charges. By a letter dated 29 July 2015, the respondent imposed a sentence of demotion on the applicant from the Grade DG48 Education Service Officer to Grade DG44 Education Officer ('the respondent's decision'). The applicant filed a judicial review application pursuant to O 53 r 3(1) of the Court Rules 2012 for a certiorari order to revoke the respondent's decision ('the petitioner's application'). With respect to the charge (a), the applicant stated that he could not produce the details and complete evidence regarding his health problems on 18–19 July 2011 in his representation as it was not in his possession in view that the length of time taken by the respondent to carry this disciplinary action was after four years from the time of the incident. For charge (b), the applicant clarified that the purpose of completing the prior arrival record was solely for convenience and practicality as the applicant resided in Ipoh while the school where the applicant worked at was at Chenderong Balai which was approximately 77km. Whereas for charge (c), 'attendance confirmation note' was issued by the hospital showing the applicant was present at the hospital on 18–19 July 2011.

Held, allowing the petitioner's application:

(1) The applicant did not commit any offence when he failed to attend the course. The failure of the applicant to attend the course was not an intentional. It was caused by the applicant's discouraging health.

Furthermore, a four-year delay for the respondents to bring disciplinary action had resulted in substantive injustice to the applicant when he was convicted of failing to attend the course despite having valid reasons. It was clear that this substantive injustice was a direct effect of the failure of the respondents to adhere to the 'procedural fairness' in bringing such disciplinary action in such a way. At the same time, no opportunity was given to the applicant to retrieve his supporting documents (see paras 19(e), (g) & (p)).

(2) The representation made by the applicant dated 15 May 2015 was made within 21 days as stipulated under reg 36 (1) of the Public Officers (Conduct and Disciplinary) Regulations 1993. In view of this event, the applicant had a reason which was reasonable to apply for extended periods. The respondents' refusal to give the applicant the opportunity to submit further evidence, even though they were informed by the applicant, was a violation of 'natural justice' which made the demotion penalty invalid (see paras 19(u), (w) & (z)).

(3) The applicant's action of filling in the record of the prior attendance was a reasonable act as it was difficult for the applicant to go to his school at Chenderong Balai on Monday 18 July 2011 solely to fill the record of his attendance before heading to Genting Highlands. Furthermore, it was unlikely that the applicant had deliberately falsified his attendance of the course in the book of attendance of the teachers kept at his school at Chenderong Balai which was 77km away. The charge against the applicant did not have reasonable justification at all based on the circumstantial facts of the current case (see paras 20(d) & (h)).

(4) The attendance of the applicant at the hospital on both dates was proved by the attendance slip issued by the hospital. Through this attendance slip, it was evident that the applicant did go to the hospital and was there for the purpose stated in his affidavit (see paras 21(d)–(e)).

(5) The failure of the respondent to submit to the applicant all the materials used in conducting their discretion to impose a reduction of rank against the applicant was a serious failure. This failure led directly to the grassroots of the principle of 'natural justice' (*audi alteram partem*) itself. In light of this failure solely the punishment of the applicant should not be retained. The respondents made an erroneous findings and facts in deciding to impose penalties on the applicant (see paras 18(d)–(e)).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai certiorari untuk membatalkan keputusan responden, lihat 1(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 439.

Kes-kes yang dirujuk

Abd Razak bin Atan v Dato' Hj Ahmad Ragib bin Hj Mohd Salleh (sued in his capacity as Assistant Chief Administrator to the Inspector General of Police (Disciplinary) & Ors [2010] 3 MLJ 753; [2010] 6 CLJ 887, MR (dirujuk)

B Surinder Singh Kanda v The Government of the Federation of Malaya [1962] 1 MLJ 169, PC (dirujuk)

Jebsen & Jessen Engineering (M) Sdn Bhd v David a/l Sandanasamy & Anor [2010] 5 MLJ 628, MR (dirujuk)

Pemungut Hasil Tanah, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang v Ong Gaik Kee [1983] 2 MLJ 35, MP (dirujuk)

R Rama Chandran v The Industrial Court of Malaysia & Anor [1997] 1 MLJ 145, MP (dirujuk)

Raja Abdul Malek Muzaffar Shah bin Raja Shahruzzaman v Setiausaha Suruhanjaya Pasukan Polis & Ors [1995] 1 MLJ 308, MR (dirujuk)

Regina v Secretary of State for the Home Department [1994] 1 AC 531, HL (dirujuk)

Shamsiah bt Ahmad Sham v Public Services Commission, Malaysia & Anor [1990] 3 MLJ 364, MA (dirujuk)

Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan Bhd v Transport Workers' Union [1995] 2 MLJ 317, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 s 2(b)

Akta Tafsiran 1948 dan 1967 s 108

Interpretation and General Clauses Ordinance 1948 (dimansuhkan oleh Akta Tafsiran 1948 dan 1967) s 38

Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 53 k 3(1)

Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 peraturan 36, 36(1), (2)

Perlembagaan Persekutuan perkara 135(2)

Ahmad Yani bin Aminuddin (Syakira bt Abdul Khair @ Khairuddin, Hayati bt Yahya Udin dan Faizul Hilmy bin Ahmad Zamri bersamanya) (WY Chan & Roy) bagi pihak pemohon.

Malarselvi (Lim Cheah Yit, Fatin Hanum bt Abdul Hadi dan Wan Mohd Fikri bin Wan Azizan bersamanya) (Penasihat Undang-Undang Negeri Perak) bagi pihak responden.

Samsudin Hassan H:

PENDAHULUAN

[1] Ini adalah merupakan satu permohonan semakan kehakiman yang dikemukakan oleh pemohon menurut A 53 k 3(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 untuk mendapatkan perintah 'certiorari' bagi membatalkan

keputusan responden yang melalui surat bertarikh 29 Julai 2015 mengenakan hukuman turun pangkat terhadap pemohon dari Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG48 (memangku DG52) kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG44 yang berkuat kuasa dari 13 Julai 2015. A

[2] Kebenaran untuk membuat permohonan ini telah diberikan oleh mahkamah ini pada 10 Mei 2016. B

FAKTA RINGKAS KES

[3] Pada 11 Mei 2015 pemohon telah menerima surat bertarikh 29 April 2015 mengenai tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat daripada responden menghendaki pemohon membuat representasi membela diri bagi tujuan membebaskan diri beliau daripada tiga pertuduhan yang dihadapinya. Representasi ini dikehendaki dibuat dalam tempoh 21 hari dari tarikh penerimaan surat pertuduhan berkenaan. C D

[4] Tiga pertuduhan yang dihadapi oleh pemohon adalah seperti di bawah berikut: E

(a) gagal menghadiri Kursus Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja bermula dari 18–19 Julai 2011 di Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands, Pahang;

(b) memalsukan kehadiran dalam rekod harian kehadiran guru dengan menyatakan Pemohon menjalani Kursus Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja bermula dari 18–19 Julai 2011 di Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands, Pahang sedangkan Pemohon tidak menghadiri kursus tersebut dan mendapat cuti sakit pada 20–21 Julai 2011; dan F

(c) memberi maklumat tidak benar dalam surat tunjuk sebab dengan menghadiri temujanji dengan Pakar Perunding Perubatan Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh. G

[5] Melalui surat bertarikh 15 Mei 2015 pemohon telah pun mengemukakan representasi beliau terhadap ketiga-tiga pertuduhan tersebut. H

[6] Melalui surat bertarikh 29 Julai 2015 responden telah membuat keputusan bahawa pemohon gagal membebaskan diri beliau terhadap semua pertuduhan tersebut dan telah mengenakan hukuman turun pangkat terhadap beliau berkuatkuasa mulai 13 Julai 2015. I

[7] Pada 2 November 2015 pemohon telah mengemukakan permohonan untuk semakan kehakiman.

VERSI PEMOHON

[8] Melalui surat tindakan tatatertib yang dikeluarkan oleh responden, maka pemohon telah dikehendaki mengemukakan representasi secara bertulis terhadap ketiga-tiga pertuduhan berkenaan dalam tempoh 21 hari. Pemohon telahpun mengemukakan representasi bertulis tersebut melalui suratnya bertarikh 15 Mei 2015.

[9] Pemohon telah memaklumkan pengerusi responden beliau memerlukan masa yang agak panjang untuk menjawab atau mengemukakan representasinya disebabkan pertuduhan-pertuduhan tersebut melibatkan perkara yang telah berlaku pada tahun 2011 iaitu lebih kurang empat tahun dahulu. Pemohon perlu mencari banyak dokumen-dokumen berkaitan bagi tujuan representasi. Pemohon juga menyatakan ingatannya berhubung kejadian itu tidak lagi begitu baik dan penuh disebabkan tempoh empat tahun telah berlalu.

[10] Lagipun pemohon menegaskan beliau tidak lagi menyimpan dokumen-dokumen berhubung kejadian ini kerana menyangka ianya telah selesai. Pemohon ada menerima sepucuk surat tunjuk sebab pada 5 Ogos 2011 daripada Jabatan Pelajaran Daerah Hilir Perak memintanya memberi penjelasan mengenai perkara yang sama. Pemohon berikutnya melalui surat bertarikh 15 Ogos 2011 telahpun mengemukakan surat tunjuk sebabnya seperti yang diarahkan tersebut. Malangnya, pemohon tidak menerima apa-apa jawapan daripada pihak yang berkenaan tersebut mahupun apa-apa tindakan disiplin dikenakan terhadapnya pada masa itu. Dalam keadaan sedemikian pemohon berkata beliau menyangkakan perkara tu telah pun selesai dan penjelasan mengenai perkara itu telah pun diterima sehinggalah beliau menerima surat tindakan tatatertib tersebut pada bulan Mei 2015.

[11] Sekalipun tempoh 21 hari tersebut tidak memadai, pemohon telah difahamkan oleh pihak Jabatan Pendidikan Daerah Kinta Utara, Perak bahawa beliau masih perlu mengemukakan representasi tersebut terlebih dahulu dalam tempoh 21 hari yang ditetapkan dan selepas itu bolehlah mengemukakan dokumen-dokumen sokongan atau bukti yang lain bagi tujuan menyokong representasinya tersebut.

[12] Berlandaskan kefahaman ini, pemohon telah menulis surat yang bertarikh 15 Mei 2015 dengan kenyataan berbunyi, 'untuk setakat ini, hanya dokumen-dokumen yang saya sertakan di sini yang dapat saya cari ...'. Dalam masa yang sama pemohon terus berusaha untuk mendapatkan bukti-bukti bagi menyokong representasinya tersebut. Pemohon terpaksa merujuk kembali kepada doktor-doktor yang merawatnya pada 18–19 Julai tersebut termasuk

doktor Pakar Perunding Perubatan Hospital Raja Permaisuri Bainun disebabkan alasan ketidakhadirannya ke kursus tersebut adalah disebabkan masalah kesihatan.

[13] Pemohon mengatakan beliau terpaksa melakukan itu disebabkan sijil-sijil sakit serta bukti-bukti temujanji perubatan dengan doktor-doktor berkenaan tidak lagi berada di dalam simpanannya dan perlulah mendapat salinannya. Pemohon juga telah dimaklumkan oleh pihak-pihak yang berkenaan bahawa mereka juga memerlukan masa.

[14] Di dalam keadaan sedemikian dan bagi menghormati serta mematuhi arahan untuk mengemukakan representasi dalam tempoh 21 hari tersebut, maka pemohon telah menyediakan dan mengemukakan kepada pihak responden surat bertarikh 15 Mei 2015 maklumat-maklumat dan ingatannya yang sebaik mungkin setakat itu.

VERSI RESPONDEN

[15] Responden menegaskan tindakan dan hukuman yang dikenakan ke atas pemohon adalah setimpal dan telah mematuhi perkara 135(2) Perlembagaan Persekutuan serta sentiasa berpandukan kepada peraturan-peraturan dan peruntukan-peruntukan undang-undang serta mematuhi prinsip 'rules of natural justice' di dalam membuat keputusan.

[16] Responden juga percaya tiada apa-apa unsur 'illegality, irrationality atau 'procedural impropriety' di dalam kes ini yang boleh mencacatkan 'the decision making process'.

[17] Responden memohon agar mahkamah ini menolak permohonan pemohon ini atas dasar peruntukan di bawah s 2(b) Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948.

ISU PERTIKAIAN

[18] Dalam permohonan semakan kehakiman ini isunya berbangkit daripada tiga pertuduhan yang dikeluarkan oleh responden terhadap pemohon yang perlu dikaji, diteliti dan dihalusi untuk mahkamah mencapai satu dapatan yang muktamad. Tiga pertuduhan yang menjadi isu di sini diulang sekali lagi seperti dinyatakan di bawah berikut:

(a) gagal menghadiri Kursus Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja bermula dari 18–19 Julai 2011 di Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands;

A (b) memalsukan kehadiran dalam rekod kehadiran guru bahawa Pemohon menjalani Kursus Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja tersebut pada 18–21 Julai 2011; dan

(c) memberi maklumat tidak benar dalam surat tunjuk sebab dengan
B menghadiri temujanji dengan Pakar Perunding Perubatan Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh.

Isu pertama

C **[19]** Isu gagal hadir kursus pada 18–19 Julai 2011:

(a) apa yang menjadi isu di sini adalah berhubung dengan ketidakhadiran pemohon pada 18–19 Julai 2011 sahaja disebabkan masalah kesihatannya;

D (b) ketidakmampuan pemohon menghadiri kursus tersebut pada 18–19 Julai 2011 telah pun beliau maklumkan kepada Puan Che Zakiah bt Mohd Salim selaku pengurus kursus tersebut pada pagi 18 Julai 2011 dan telah mendapat pelepasan daripada *Pengurus* tersebut. Pemohon juga telah memaklumkan perkara ini kepada Pejabat Pelajaran
E Daerah di Ipoh. Fakta ini tidak dinafikan oleh responden melalui afidavit jawapan responden;

(c) walau bagaimanapun pemohon tidak dapat mengemukakan butir-butir dan bukti-bukti lengkap berhubung dengan masalah kesihatannya pada 18–19 Julai 2011 di dalam representasi beliau kerana ianya tidak berada
F dalam simpanan pada masa itu memandangkan tempoh masa yang diambil untuk membawa tindakan disiplin ini selepas empat tahun kejadian;

(d) namun begitu mahkamah amati pemohon ada berusaha untuk mencari
G dan mendapatkan maklumat-maklumat dan bukti-bukti sokongan daripada pihak-pihak berkenaan sepertimana dinyatakan di bawah berikut:

(i) pemohon mempunyai suatu temujanji perubatan dengan Pusat Perubatan Pakar Hospital Besar Tuanku Bainun, Ipoh pada 18 Julai
H 2011 berhubung dengan masalah kesihatannya. Fakta ini terbukti melalui kad temujanji seperti dizahirkan dalam eksh 'AJ7';

(ii) pemohon telah menghadiri temujanji ini pada 18 Julai 2011 tersebut dan berada di hospital di antara pukul 9 pagi–1 petang
I pada tarikh tersebut seperti yang dibuktikan dalam 'nota pengesahan kehadiran' yang dikeluarkan oleh pihak hospital berkenaan bertarikh 18 Julai 2011 melalui penzahiran di eksh 'AJ8';

(iii) walau bagaimanapun pemohon tidak dapat menemui doktor yang

sepatut merawatnya pada tarikh 18 Julai 2011 iaitu Dato' Dr K Chandran, seorang pakar psikatrik walaupun beliau menunggu sehingga ke pukul 1 petang. Pemohon difahamkan bahawa doktor tersebut terlibat dalam kes kecemasan. Pemohon telah diminta untuk datang lagi ke hospital pada keesokan harinya iaitu pada 19 Julai 2011;

(iv) pada 19 Julai 2011 tersebut pemohon telah pun pergi ke hospital yang sama dan telah berada di hospital tersebut antara pukul 8.30 pagi–1 petang seperti dalam 'nota pengesahan kehadiran' yang dikeluarkan oleh pihak hospital berkenaan bertarikh 19 Julai 2011 dizahirkan dalam eksh 'AJ9';

(v) sebelum itu pada 18 Julai 2011 selepas tidak dapat menemui Dato' Dr K Chandran tersebut pagi itu, pada sebelah petangnya Pemohon telah pergi bertemu dengan seorang doktor swasta iaitu Dr Amrik Singh di Klinik Dhillon, Ipoh disebabkan masalah kesihatannya agak serius. Pemohon telah diperiksa oleh Dr Amrik dan mendapati beliau tidak sihat untuk bekerja dan melarangnya melakukan perjalanan jauh apabila dimaklumkan tentang kursus tersebut. Pemohon juga telah diberikan sijil cuti sakit selama satu minggu bermula dari 18 Julai 2011; dan

(vi) walau bagaimanapun sijil cuti sakit yang diberikan oleh Dr Amrik Singh telah hilang dan tidak dapat pemohon kemukakan di dalam surat representasinya. Kemudian pemohon telah bertemu dengan Dr Amrik untuk mendapatkan salinan sijil cuti sakit tersebut. Pemohon dimaklumkan bahawa pihak klinik tidak menyimpan salinan sijil tersebut. Namun begitu, berdasarkan rekod yang klinik simpan, maka Dr Amrik telah mengeluarkan suatu pengesahan bertarikh 19 Mei 2015 bahawasanya beliau ada merawat pemohon pada 18 Julai 2011 dan telah pun mengeluarkan suatu sijil cuti sakit selama seminggu bermula dari 18 Julai 2011 sepertimana dizahirkan dalam eksh 'AJ10';

(e) oleh itu mahkamah ini merumuskan kegagalan pemohon menghadiri kursus tersebut bukanlah suatu yang disengajakan. Ianya disebabkan oleh kesihatan pemohon yang tidak mengizinkan dan beliau dinasihati oleh doktor supaya tidak melakukan perjalanan jauh;

(f) mahkamah juga amati sungguhpun pemohon memperolehi cuti sakit terutamanya pada 18–19 Julai 2011 namun beliau masih lagi menjalankan tugasan-tugasan sekolahnya sebagai Pengetua SMK Sultan Abdullah di Chenderong Balai (berhampiran Teluk Intan), Perak di kawasan yang berdekatan rumahnya di Ipoh. Antara tugasan dilakukan oleh pemohon adalah seperti berikut:

(i) pemohon telah menghadiri pejabat FELCRA Wilayah Perak, di

Ipoh untuk mengadakan perbincangan-perbincangan mengenai niat FELCRA untuk menjadikan sekolahnya pada masa itu sebagai sebuah 'Sekolah Angkat FELCRA' sepertimana dizahirkan dalam eksh 'AJ11'; dan

(ii) menghadiri taklimat resmi dengan Dato' Azariah bt Mior Shaharuddin selaku Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia/wakil beliau di Politeknik Ungku Omar, Ipoh;

(g) di sini juga mahkamah merumuskan pemohon tidak melakukan apa-apa kesalahan apabila beliau gagal hadir ke kursus tersebut;

(h) seperkara lagi mahkamah ingin tekankan di sini ialah dalam tahun 2011 didapati pemohon telah pun menerima sepucuk surat bertarikh 5 Ogos 2011 daripada Pegawai Pelajaran Daerah Hilir Perak meminta beliau memberi sebab ketidakhadirannya. Pemohon telah pun memberi penjelasannya melalui surat bertarikh 15 Ogos 2011;

(i) malangnya, tidak ada apa-apa tindakan susulan yang telah diambil terhadap pemohon selepas itu menyebabkan pemohon mempercayai hal ini telah selesai dan tiada lagi keperluan menyimpan apa-apa dokumen mengenai masalah kesihatan beliau tersebut. Malahan sementara waktu ini pemohon turut menerima beberapa anugerah kecemerlangan;

(j) perkara di atas itu berhubung rapat dengan masa yang munasabah suatu tindakan disiplin itu perlu dibuat oleh responden. Mahkamah akur memang tiada tempoh ditetapkan di bawah 'General Orders'. Walau bagaimanapun mengikut keputusan dalam kes *Pemungut Hasil Tanah, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang v Ong Gaik Kee* [1983] 2 MLJ 35 di ms 37–38 yang dibaca bersekali dengan s 108 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 (dahulunya s 38 Interpretation and General Clauses Ordinance 1948) telah memutuskan apa-apa tindakan disiplin terhadap seseorang pengkhidmat awam itu perlulah dibuat secara 'as soon as possible' atau 'within a reasonable time' atau dalam kata lain 'with all convenient speed' dan bukan 'as late as possible';

(k) apa yang mahkamah perhatikan di sini bahawa isu kegagalan pemohon untuk menghadiri kursus ini telah bermula dibangkitkan semenjak bulan Ogos 2011 lagi iaitu melalui surat tunjuk sebab bertarikh 5 Ogos 2011 tersebut. Persoalannya mengapakah tindakan disiplin ini tidak dibawa terhadap pemohon pada masa itu juga iaitu selepas pemohon memberi penjelasan beliau melalui surat bertarikh 15 Ogos 2011 sekiranya ada asas penjelasan pemohon itu tidak dapat diterima? Mengapakah responden menunggu sehingga tahun 2015 untuk membawa tindakan disiplin sedangkan ianya telah timbul dalam bulan Ogos 2011? Adakah tempoh empat tahun yang diambil ini boleh dikatakan dibawa terhadap pemohon 'with all convenient speed'?

(l) kes *Abd Razak bin Atan v Dato' Hj Ahmad Ragib bin Hj Mohd Salleh (sued in his capacity as Assistant Chief Administrator to the Inspector General of Police (Disciplinary) & Ors* [2010] 3 MLJ 753; [2010] 6 CLJ 887 yang dirujuk oleh responden di dalam penghujahan mereka tidak menyatakan bahawa responden tidak perlu memberi penjelasan mengenai tempoh masa yang diambil tersebut. Mahkamah Persekutuan dalam kes tersebut memutuskan:

> It must be borne in mind that the delay per se is not necessarily conclusive of an intention to condone because it may be *explained* away. In any event, what is a reasonable time must be vary according to the circumstances of each case.

(m) pemohon telah menunjukkan bahawa tempoh masa yang lama terse but telah meletakkan beliau kepada suatu ketidakadilan. Pemohon tidak dapat mengemukakan semua dokumen-dokumen untuk membuktikan masalah kesihatan beliau apabila ianya tidak lagi berada dalam simpanan beliau. Sepertimana yang disahkan oleh doktor yang merawat pemohon pada 18 Julai 2011, terbukti bahawa pemohon memang mempunyai suatu alasan yang sah berhubung dengan ketidakhadirannya pada 18–19 Julai 2011 tersebut. Mahkamah merumuskan semua ini berlaku akibat kelewatan selama empat tahun untuk responden membawa tindakan disiplin ini;

(n) dalam kes *Pemungut Hasil Tanah, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang v Ong Gaik Kee* Mahkamah Agong memutuskan:

> Obviously what amounts to 'convenient speed' must vary from case to case and in our judgement seven years delay is certainly not a 'convenient speed' as it is so far outside the normal period of time that no reasonable authority could ever regard it as reasonable. That being the case the court is entitled to strike down the impugned acquisition proceedings as illegal.

(o) sebelum itu Mahkamah Agong dalam kes yang sama turut memutuskan di ms 37 seperti berikut:

> Every exercise of statutory power must not only be in conformity with the express words of the statute but above all must also comply with certain implied legal requirements.

(p) kesimpulannya, kelewatan selama empat tahun ini telah menyebabkan suatu ketidakadilan substantif berlaku ke atas pemohon apabila beliau dihukum akibat gagal hadir ke kursus tersebut sekalipun beliau mempunyai alasan yang sah. Jelas bahawa ketidakadilan substantif ini adalah kesan langsung dari kegagalan responden mematuhi 'procedural fairness' dalam membawa tindakan disiplin ini sebegitu lewat. Dalam masa yang sama tiada peluang diberikan kepada pemohon untuk mencari kembali dokumen-dokumen sokongan beliau;

(q) berikutnya mahkamah ingin merujuk kepada kes *R Rama Chandran v*

The Industrial Court of Malaysia & Anor [1997] 1 MLJ 145 di mana Mahkamah Persekutuan memutuskan seperti berikut:

> It is often said that judicial reviews is concerned not with decision but the decision making process ... This proposition, at face value, may well convey the impression that the jurisdiction of the courts in judicial review proceedings is confined to cases where the aggrieved party has not received fair treatment by the authority to which he has been subjected. Put differently, in the words of Lord Diplock in *Council of Civil Service v Minister of Civil Service* (1985) AC 374 where the impugned decision is flawed on the ground of procedural impropriety. But Lord Diplock's other grounds of impugning a decision susceptible to judicial review make it abundantly, clear that such a decision is also open to challenge on grounds of illegality and irrationality and, in practice, this permits the courts to scrutinize such decisions not only for process, but also for substance.

(r) persoalannya di sini ialah sama ada responden perlu memberi peluang kepada pemohon untuk mengemukakan bukti-bukti mengenai kegagalan beliau untuk hadir pada 18–17 Julai 2011 tersebut?

(s) melalui representasi pemohon telah menyatakan beliau perlu lebih banyak masa untuk mencari dokumen-dokumen sokongan pembelaan disebabkan kejadian ini telah berlaku lebih dari empat tahun dahulu;

(t) terdapatnya peraturan 36(1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang menetapkan bahawa representasi tersebut perlu dimasukkan oleh pemohon dalam masa 21 hari dari tarikh pemohon menerima pertuduhan. Manakala peraturan 36(2) pula memberi kuasa budibicara kepada responden untuk membenarkan pemohon membuat representasi atau penjelasan lanjut dalam suatu tempoh sebagaimana yang ditetapkan oleh responden;

(u) dalam kes ini representasi yang dibuat oleh pemohon bertarikh 15 Mei 2015 telah dibuat dalam tempoh masa 21 hari seperti yang ditetapkan di bawah peraturan 36(1);

(v) dalam keadaan sedemikian patutkah pemohon dibenarkan untuk memberi bukti-bukti atau representasi/penjelasan lanjut bagi menyokong pembelaannya apabila beliau menyatakan keperluan untuk masa yang lebih bagi tujuan memasukkan bukti-bukti tersebut?

(w) bagi menjawab persoalan di atas itu, mahkamah merumuskan bahawa bukti-bukti lanjut yang ingin dimasukkan oleh pemohon adalah perlu dan relevan bagi menunjukkan beliau mempunyai alasan kukuh terhadap kegagalan beliau untuk hadir kursus pada 18–19 Julai 2011 tersebut. Pemohon mempunyai alasan yang wajar bagi memohon tempoh lanjutan tersebut disebabkan kejadian ini telah lama berlaku;

(x) MP Jain dalam buku beliau bertajuk *Administrative Law of Malaysia and Singapore* (4th Ed) di ms 295 memetik:

> Breach of natural justice arises when the authority denies reasonable opportunity to the concerned party to produce necessary and relevance evidence. At times, it may be necessary to adjourn proceedings in order to give such an opportunity to a party: Sometimes, if justice is to be done, adjournement are essential.

(y) berdasarkan otoriti di atas, maka mahkamah ini merumuskan responden sepatutnya memberi sekurang-kurangnya satu peluang kepada pemohon untuk memasukkan bukti-bukti lanjutnya. Terbukti bahawa seandainya peluang ini diberi, maka pemohon boleh membuktikan bahawa ketidakhadiran beliau adalah beralaskan alasan yang kukuh. Mahkamah perhatikan juga bahawa tidak ada sekatan bagi responden untuk membenarkan pemohon membuat lebih dari satu representasi di bawah peraturan 36 ini. Menurut MP Jain di dalam buku beliau:

> There is no doubt that the rule of fair hearing may be satisfied in some situations if the effected person is permitted to file plural representations with the decision maker.

(z) dalam keadaan sedemikian, maka mahkamah ini memutuskan bahawa keengganan responden untuk memberi peluang kepada pemohon untuk memasukkan bukti-bukti lanjut, sekali pun telah dimaklumkan oleh pemohon mengenainya adalah suatu pelanggaran 'natural justice' yang menjadikan hukuman turun pangkat terbatal.

Isu kedua

[20] Memalsukan rekod kedatangan sekolah pada 18–21 Julai 2011:

(a) di bawah pertuduhan ini pemohon didakwa telah memalsukan kehadirannya ke kursus tersebut pada 18–19 Julai 2011 di dalam buku kehadiran guru yang disimpan di sekolahnya. Pemohon menafikan telah memalsukan kehadirannya tersebut atau berniat untuk berbuat sedemikian;

(b) pemohon menjelaskan pada petang hari Jumaat 15 Julai 2011 beliau telah pun siap mengisikan rekod kedatangan sekolah dengan nota bahawa pada 18–21 Julai 2011 beliau menghadiri kursus tersebut sepertimana dizahirkan dalam eksh HD6. Mengikut pemohon ianya dilakukan sedemikian kerana memang menjadi niat pemohon pada waktu itu untuk pergi ke kursus tersebut;

(c) berikutnya pemohon juga menjelaskan tujuan mengisi rekod kedatangan ini terlebih dahulu adalah semata-mata untuk kesenangan dan praktikal. Ianya bukanlah disertai dengan apa-apa niat salah atau

curang. Pada masa itu pemohon tinggal di Ipoh manakala sekolah beliau adalah di Chenderong Balai iaitu jarak jauh memandu lebih kurang 77km;

(d) mahkamah merumuskan dari aspek ini perbuatan pemohon mengisi rekod kedatangan terlebih dahulu iaitu pada hari Jumaat 15 Julai 2011 tersebut adalah suatu perbuatan yang wajar dan munasabah. Adalah sukar bagi pemohon untuk pergi ke sekolah beliau di Chenderong Balai pada pagi Isnin 18 Julai 2011 semata-mata untuk mengisi rekod kedatangan sebelum bertolak ke Genting Highlands. Begitu juga keadaannya bagi hari-hari berikutnya;

(e) kejujuran pemohon berhubung dengan isu ini dapat dilihat daripada tindak-tanduk pemohon sendiri dan ianya patut diambilkira oleh responden dalam membuat keputusan mereka kerana ianya merupakan 'relevant consideration' yang perlu dilihat oleh mereka sebelum membuat keputusan dan antaranya seperti berikut:

(i) apabila pemohon berasa tidak sihat pada hari Isnin bersamaan 18 Julai 2011 dan tidak mampu pergi ke kursus tersebut, maka beliau telah telefon Puan Che Zakiah bt Mohd Salim selaku pengurus kursus memaklumkan keadaan kesihatan beliau dan ketidakmampuan untuk menghadiri kursus tersebut. Beliau telah diberi pelepasan oleh pengurus tersebut dan fakta ini tidak dipertikaikan oleh responden;

(ii) pemohon juga telah membuat satu panggilan telefon pada pagi hari tersebut kepada Penolong Kanan Sekolah beliau untuk memaklumkan tentang keuzuran beliau tersebut. Fakta ini disahkan oleh Penolong Kanan tersebut iaitu Encik Ramli bin Mokiat melalui afidavit beliau bertarikh 19 November 2015 di sini;

(iii) perkara yang sama juga telah dimaklumkan kepada Pejabat Pelajaran Daerah pada tarikh tersebut. Fakta ini juga tidak pernah dipertikaikan;

(iv) pemohon tidak membuat apa-apa tuntutan perjalanan bagi menghadiri kursus tersebut pada bila-bila masa; dan

(v) rekod kehadiran beliau juga telah diperbetulkan bagi menunjukkan keadaan yang sebenarnya. Di sini pemohon mengakui kesilapan beliau kerana tidak membetulkan rekod ini lebih awal. Pemohon ada menjelaskan beliau hanya pulang bekerja semula pada 25 Julai 2011 selepas cuti sakit selama seminggu. Malangnya, beliau telah terlepas pandang untuk membetulkannya pada masa tersebut;

(f) berdasarkan kesemua fakta di atas tersebut, maka mahkamah ini merumuskan ianya adalah 'relevant consideration' yang perlu

diambilkira oleh responden. Dalam kes *Jebsen & Jessen Engineering (M) Sdn Bhd v David a/l Sandanasamy & Anor* [2010] 5 MLJ 628 ada memetik keputusan dalam kes *Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan Bhd v Transport Workers' Union* [1995] 2 MLJ 317 seperti berikut:

> It is neither feasible nor desirable to attempt an exhaustive definition of what amounts to an error of law, for the categories of such an error are not closed. But an error of law would be disclosed if the decision maker asks himself the wrong question or takes into account irrelevant consideration or *omits to take into account relevant consideration* or if he misconstrues the terms of any relevant statute or misapplies or misstates a principle of the general law.

(g) MP Jain di dalam bukunya bertajuk *Administrative Law of Malaysia and Singapore* (4th Ed) memetik seperti berikut:

> Conversely, a decision maker while exercising discretionary power ought to take into account relevant considerations. If those are not taken into account, or are ignored, then again the act or decision will be invalid.

(h) dalam keadaan sedemikian, maka mahkamah ini memutuskan bahawa mana mungkin pemohon dengan sengaja telah memalsukan kehadirannya ke kursus yang dijadualkan pada 18–19 Julai 2011 di dalam buku kehadiran guru yang disimpan di sekolahnya di Chenderong Balai iaitu jarak jauh memandu lebih kurang 77km. Pertuduhan ini ke atas pemohon langsung tidak mempunyai kewajaran yang munasabah berasaskan fakta sekelilingnya dalam kes ini.

Isu ketiga

[21] Memberi maklumat tidak benar dalam surat tunjuk sebab bertarikh 15 Ogos 2011 dengan menghadiri temu janji dengan Pakar Perunding Perubatan Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh:

(a) sepertimana yang telah dizahirkan dalam isu pertama sebelum ini bahawa Pemohon telah pun menerima sepucuk surat bertarikh 5 Ogos 2011 daripada Pegawai Pelajaran Daerah Hilir Perak antara lain meminta beliau menunjuk sebab ketidakhadiran beliau ke kursus tersebut. Pemohon telah pun memberi penjelasan beliau melalui surat bertarikh 15 Ogos 2011;

(b) selepas mengemukakan surat tunjuk sebab beliau bertarikh 15 Ogos 2011 tersebut, pemohon tidak mendapat apa-apa maklum balas daripada pegawai berkenaan. Tiada hukuman atau amaran dikenakan. Tidak ada juga apa-apa tindakan susulan yang telah diambil terhadap pemohon selepas itu. Fakta ini menyebabkan pemohon mempercayai hal ini telah selesai hinggalah beliau menerima surat pertuduhan dalam tahun 2015 tersebut. Barulah pemohon tahu bahawa penjelasan yang beliau berikan dalam surat tersebut telah dikatakan sebagai tidak benar.

Pada masa material, tidak terdapat apa-apa indikasi daripada majikan beliau mengenai 'ketidakpercayaan' mereka terhadap maklumat yang diberikan. Selepas daripada itu pemohon ada menerima beberapa anugerah kecemerlangan kerja dilakukannya;

(c) maklumat yang didakwa tidak benar tersebut adalah berhubung dengan temujanji pemohon dengan doktor Pakar Perunding Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh. Pemohon telah mengatakan bahawa pada pagi 18 Julai 2011 tersebut beliau telah pergi ke Hospital berkenaan untuk menemui Dato' Dr K Chandran, seorang pakar perunding psikatrik di situ. Namun beliau tidak dapat menemui doktor tersebut pada pagi itu, dan ini menyebabkan beliau kembali semula ke hospital berkenaan untuk tujuan yang sama pada 19 Julai 2011;

(d) kehadiran pemohon ke hospital berkenaan pada kedua-dua tarikh telah dibuktikan melalui 'Attendance Slip' yang dikeluarkan sendiri oleh Hospital berkenaan dan ditandatangani oleh Dato' Dr K Chandran sendiri sepertimana dizahirkan dalam ekshs 'AJ8' dan 'AJ9';

(e) melalui 'attendance slip' ini terbukti bahawa pemohon memang telah pergi ke hospital berkenaan dan berada di sana bagi tujuan yang dinyatakan di dalam afidavit beliau. Yang sedemikian, apabila responden mendakwa bahawa maklumat ini tidak benar, mahkamah amati mereka sebenarnya gagal mengambilkira atau mempertimbangkan kedua-dua bukti berkait ekshs AJ8 dan AJ9. Bukti-bukti ini jelas merupakan 'relevant consideration' yang perlu diambil kira di bawah isu ketiga ini. Mahkamah perhatikan tidak ada apa-apa dakwaan di sini bahawa kedua-dua 'attendance slip' ini tidak betul atau dipalsukan oleh pemohon;

(f) sehubungan dengan perkara di atas itu mahkamah juga amati kegagalan responden untuk mengemukakan kepada pemohon semua material-material yang mereka guna dalam menjalankan budibicara mereka menjatuhkan hukuman turun pangkat terhadap pemohon adalah satu kegagalan yang serius. Kegagalan ini menjurus terus ke akar umbi prinsip 'natural justice' (*audi alteram partem*) itu sendiri;

(g) mahkamah juga amati antara material-material yang digunakan oleh responden dalam menjatuhkan hukuman terhadap pemohon adalah seperti berikut:

(i) surat oleh Jabatan Pelajaran Negeri Perak bertarikh 27 September 2011 sepertimana eksh HD4 berhubung dengan tatakelakuan pemohon;

(ii) melalui eksh HD4 ini juga telah dikemukakan material-material lain iaitu Laporan Perakuan Tatatertib Pemohon bertarikh 22 September 2011 dan lima keping dokumen sokongan lain yang

tidak diketahui isi kandungannya dan tidak dikemukakan sebagai eksibit di sini;

(iii) Laporan Kelakuan Pemohon daripada Kementerian Pelajaran Malaysia bertarikh 1 Ogos 2012. Isi kandungan Laporan Kelakuan ini juga tidak diketahui dan tidak dikemukakan sebagai eksibit di sini;

(iv) Perakuan Tatatertib Pemohon daripada JPA bertarikh 22 Julai 2014. Isi kandungan perakuan ini juga tidak diketahui; dan

(v) ulasan Pegawai Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Utara terhadap surat representasi pemohon bertarikh 28 Mei 2015. Isi kandungan ulasan ini juga tidak diketahui.

(h) adalah jelas kesemua material-material di atas telah dirujuk dan digunakan oleh responden di dalam membuat keputusan mereka. Malangnya semua material-material ini tidak pernah dimaklumkan kepada pemohon pada mana-mana masa sebelum hukuman dijatuhkan. Malahan beliau langsung tidak tahu mengenainya sehinggalah responden memfailkan afidavit jawapan mereka di sini. Pemohon tidak berpeluang untuk menjelaskan atau menentang material-material ini semasa prosiding disiplin terhadapnya atau sebelum hukuman dijatuhkan;

(i) MP Jain dalam bukunya bertajuk *Administrative Law of Malaysia and Singapore* (4th Ed) memetik seperti berikut:

> No material should be relied upon against a party without giving that party an opportunity to explain the same. For the right of hearing to be effective, it is necessary that the authority *should not rely on any material against a person without informing him or her of it*. The right to a hearing is of little value if the individual is kept in the dark about the evidence against him or her and is not given an opportunity to deal with it. The right to know the materials on which an authority is going to make a decision form part of the right to defend oneself. If without disclosing any evidence to the party, the authority takes material into consideration, and decides the matter against the party, that the decision is vitiated for its amount to a denial of a real and effective opportunity to the party to meet the case against him or her and is highly unfair.

(j) prinsip undang-undang yang diutarakan oleh MP Jain dalam bukunya itu adalah suatu prinsip yang jelas dan fundamental sepertimana yang diputuskan dalam kes *B Surinder Singh Kanda v The Government of the Federation of Malaya* [1962] 1 MLJ 169 di mana Lord Denning menyatakan seperti berikut:

> If the right to be heard is to be a real/right which is worth anything, it must carry with it a right in the accused man to know the case which is made against him. He must know what evidence had been given and what

A statements have been made affecting him: and then he must be given a fair opportunity to correct or contradict them ... It follows, of course, that the judge or whoever has to adjudicate must not hear evidence or receive representations from one side behind the back of the other. The court will not enquire whether the evidence or representation did work to his prejudice. Sufficient that they might to do so. *The court will not go into likelihood of prejudice. The risk of it is enough* ...

B

(k) dokumen-dokumen atau material yang dirujuk oleh responden tanpa pengetahuan pemohon tersebut adalah berhubung dengan rekod tingkahlaku atau tatakelakuan lampau pemohon. Isu ini ada diputuskan di dalam kes *Shamsiah bt Ahmad Sham v Public Services Commission, Malaysia & Anor* [1990] 3 MLJ 364 petikannya seperti di bawah berikut:

C

... We are not saying and should not be quoted as saying that the past record of the appellant should not be taken into account in considering her guilt or appropriated punishment is she were found guilty of the charge. We are saying that if these materials which have such damning effect on her case are to be used against her she should be given a right to be heard on them. It is not a matter of pure technicality but it is absolutely fundamental in law that the appellant should have been given an opportunity of stating her case regarding her past conduct ...

D

E

(l) sama dengan kes pemohon di sini di mana responden telah menggunakan rekod tatakelakuan lampau pemohon tanpa memaklumkannya kepada pemohon dan memberi peluang kepada pemohon untuk menjelaskannya atau menentangnya. Pemohon diletakkan di dalam kegelapan berhubung dengan apa yang tercatat dalam rekod tersebut. Kegagalan ini adalah suatu *fundamental* dan bukan sekadar teknikal. Sehingga kini kita masih tidak tahu apakah kandungan rekod-rekod tersebut kerana ianya tidak dikemukakan kepada mahkamah;

F

G

(m) seterusnya ulasan oleh Pegawai Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Utara bertarikh 28 Mei 2015 terhadap surat representasi pemohon juga patut dimaklumkan kepada pemohon. Pada hakikatnya ulasan ini adalah merupakan suatu keterangan atau 'evidence' secara bertulis yang diberikan oleh pegawai tersebut kepada responden terhadap representasi pemohon. Pemohon tidak mengetahui apakah ulasan itu kerana ianya tidak dikemukakan kepada beliau. Dalam kes *B Surinder Singh Kanda v The Government of the Federation of Malaya* (PC) telah memutuskan seperti berikut:

H

I

... it follows, of course, that the judge or whoever has to adjudicate must not hear or receive representations from one side behind the back of the other.

(n) perbuatan menerima ulasan tersebut tanpa memaklumkannya kepada pemohon adalah merupakan suatu perbuatan 'hear or receive

representations from one side behind the back of the other'. Dalam keadaan sedemikian pemohon berhak untuk tahu apakah ulasan yang diberikan tersebut kerana ianya melibatkan representasi yang beliau kemukakan sebagai pembelaan beliau di hadapan responden;

(o) sama ada ulasan tersebut memperjudiskan Pemohon atau tidak bukanlah merupakan suatu isu. Dalam kes *B Surinder Singh Kanda v The Government of the Federation of Malaya* di atas, Privy Council seterusnya memutuskan:

> The court will not enquire whether the evidence or representation did work to his prejudice. Sufficient that they might to do so. The court will not go into likelihood of prejudice. The risk of it is enough. No one who has lost a case will believe he has been fairly treated if the other side has access to the judge without his knowing.

(p) 'Duty to disclose materials' ini seterusnya diperkuatkan lagi oleh Mahkamah Rayuan Malaysia dalam kes *Raja Abdul Malek Muzaffar Shah bin Raja Shahruzzaman v Setiausaha Suruhanjaya Pasukan Polis & Ors* [1995] 1 MLJ 308;

(q) dalam kes di sini semua maklumat-maklumat yang digunakan oleh responden hanya diketahui oleh pemohon di dalam tindakan di sini apabila ianya dinyatakan oleh responden melalui afidavit mereka. Tiada notis telah diberikan kepada pemohon mengenainya sebelum hukuman dijatuhkan terhadap beliau. Malahan ada material yang digunakan oleh responden seperti dinyatakan dalam afidavit mereka yang masih tidak diketahui oleh pemohon sehingga kini contohnya surat 27 September 2011 sepertimana di eksh HD4 yang mana melalui surat itu telah dikemukakan juga material-material lain iaitu Laporan Perakuan Tatatertib Pemohon bertarikh 22 September 2011 termasuk lima keping dokumen sokongan lain yang masih tidak diketahui isi kandungannya kerana tidak dikemukakan sebagai eksibit di sini;

(r) kegagalan ini dengan jelas melanggar prinsip 'audi alteram partem'. Berdasarkan kegagalan ini semata-mata hukuman terhadap Pemohon di sini tidak patut dikekalkan kerana ianya jelas dibuat bertentangan dengan prinsip *natural justice* yang asas. Dalam kes *Regina v Secretary of State for the Home Department* [1994] 1 AC 531 House of Lords memutuskan seperti berikut:

> The central question is whether the prisoner is entitled to know what materials the Secretary of State will found upon when making his decision and (after the event) how that decision was arrived at. The opinion of judges and the reasons for the opinion are important, not because they have any direct effect but because they form part of the corpus material on which the Home Secretary bases his decision ...
>
> Approaching the matter this way, it must be asked whether the prisoner is

A entitled to be informed of that part of the judges' opinion and their reasons for it. It has frequently been stated that the right to make representations is of little value unless the maker has knowledge in advance of the considerations which, unless effectively challenged, will or may to an adverse decision ... This proposition of common sense will in many instances require an explicit disclosure of the substance of the matters on which the decision-maker intends to proceed ... for without it there is a risk that some supposed fact which he could controvert, some opinion which he could challenge, some policy which he could argue against, might wrongly go unanswered.

B

(s) oleh itu mahkamah ini memutuskan bahawa responden telah membuat C satu dapatan yang khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila membuat keputusan melalui suratnya bertarikh 29 Julai 2015 mengenakan hukuman Turun Pangkat terhadap pemohon dari Perkhidmatan Pendidikan Gred DG 48 (memangku DG52) kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG44 yang berkuatkuasa dari D 13 Julai 2015.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

[22] Mahkamah membenarkan permohonan semakan kehakiman yang E difailkan oleh pemohon menurut A 53 k 3(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 bagi membatalkan keputusan responden melalui suratnya bertarikh 29 Julai 2015 tersebut.

Permohonan pemohon dibenarkan.

F

Reported by Dzulqarnain Ab Fatar

G

H

I